

'Idea gila' boleh

BH 10 AUG 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta jurutera tempatan supaya menjadi lebih kreatif dengan idea yang luar biasa atau 'idea gila' dalam usaha memajukan negara, bukan semata-mata mengikut teknologi orang lain.

Perdana Menteri berkata, semangat Malaysia boleh perlu ditunjukkan golongan profesional terbabit lebih-lebih lagi dalam keadaan negara sedang mengorak langkah di arena

antarabangsa.

"Saya gembira dengan perkembangan dunia kejuruteraan tempatan yang kini bukan lagi sebagai penerima teknologi asing, malah berupaya mengeksport teknologi itu ke negara lain yang masih kurang kepakaran.

"Oleh itu, jurutera perlu turut menyelesaikan masalah bukan untuk melaksanakan penyelesaian yang sudah dilakukan orang lain tetapi masalah baru.

"Jurutera hendaklah

muncul dengan idea baru, teori dan kemahiran. Jika mereka takut mencuba sesuatu yang baru, mereka akan gagal dan akhirnya terus mengikut orang lain. Jika anda percaya kepada semangat Malaysia boleh, saya yakin akhirnya kita akan berjaya," katanya pada jamuan ulang tahun ke-30 Lembaga Jurutera Malaysia di sini malam ini.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan buku bertajuk *Engineers in Nation Budding* (Jurutera da-

majukan negara: PM

lam pembinaan negara) yang diterbitkan sempena sambutan ulang tahun itu.

Hadir sama ialah Menteri Kerja raya, Datuk Seri S Samy Vellu dan Presiden Lembaga Jurutera Malaysia, Datuk Zaini Omar, serta kira-kira 4,000 jurutera tempatan.

Dr Mahathir berkata, jurutera hendaklah bersedia menerima risiko kegagalan apabila melaksanakan sesuatu idea yang baru dan melakukannya dengan ber-sungguh-sungguh.

Katanya, biar sesuatu itu nampak ganjil atau 'gila' pada peringkat awal kerana akhirnya ia mungkin akan berjaya. Rakyat Malaysia jangan terlalu kolot, biasa dan terikat untuk melakukan perkara secara konvensional.

"Dalam kejuruteraan, umpamanya jurutera perlu melakukan perkara yang berlainan sebab banyak perkara yang kita boleh lakukan secara berlainan. Kita sudah membuktikan bahawa idea gila kita yang pada mulanya diperlecehkan, akhirnya berjaya.

"Kita lakukan bukan secara konvensional, bukan

terlalu ortodoks, bukan terikat kepada amalan biasa. Ketika krisis ekonomi kita berjaya melakukannya. Kita buat kereta, orang gelak tetapi akhirnya berjaya.

"Kita bina bangunan tertinggi di dunia, orang gelak, tetapi akhirnya kita berjaya. Dalam kejuruteraan, kita boleh gunakan idea gila ini bukan terhad kepada pembinaan jalan raya atau bangunan," katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan melahirkan idea baru yang kelihatan kurang betul, rakyat Malaysia perlu sanggup menemui kegagala-

"Sekiranya kita bersedia menerima risiko, kita akan memperoleh kejayaan sebab semuanya adalah dalam keupayaan kita. Di Malaysia, kita sudah melakukan perkara yang berlainan daripada orang lain.

"Contohnya, selepas kemerdekaan, negara lain memiliknegerakan semua pegangan asing dalam negara dan menutup pasaran mereka, sementara kita pula melakukan sebaliknya iaitu dengan menjemput pelabur asing untuk mengambil bahagian dalam ekonomi kita dan ini membantu memajukan negara," katanya.